

Program penyelidikan produk halal



Penyelidik IPPH menunjukkan proses ujian sampel makanan yang dijalankan di institut berkenaan.



Prof Datuk Mohd Yazid Manap

info

Syarat kelayakan

→ Mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda dalam bidang sains berkaitan seperti Mikrobiologi, Kimia, Teknologi Makanan, Bioteknologi, Sains Komputer, Kejuruteraan dan Undang-undang

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Aspek kualiti, keselamatan dan status halal sesuatu produk makanan menjadi antara perkara dititikberatkan dalam kalangan pengguna terutama yang beragama Islam pada hari ini.

Perkembangan industri halal di negara ini juga membuatkan lebih ramai tenaga pakar dan teknologi baru diperlukan bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai hub halal.

Berikutan itu, bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan pakar dalam bidang halal serta menghasilkan pelbagai inovasi untuk kegunaan

industri, Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah antara universiti yang menawarkan program pascasiswazah penyelidikan produk halal melalui Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) sejak 2006.

Pengarah IPPH, Prof Datuk Mohd Yazid Manap, berkata program sarjana dan doktor falsafah (PhD) yang ditawarkan di IPPH berasaskan penyelidikan merangkumi empat bidang pilihan iaitu sains, pembangunan dan pengurusan produk halal serta syariah dan undang-undang halal.

Beliau berkata, bidang sains produk halal memberi tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi teknik autentikasi dan pengesanan konstituen tidak halal, kontaminan dan bahan toksik dalam produk makanan dan bukan makanan termasuk

produk penjagaan kesihatan. "Penyelidikan dan inovasi dalam bidang ini termasuklah pengembangan kaedah pengesanan dengan menggunakan pelbagai teknik dan prosedur antaranya kromatografi, spektroskopi, molekular biologi, nanoteknologi, proteomik, metabolomik dan bioinformatik serta aspek toyibban (jaminan kualiti).

Kesucian produk halal

"Selain itu, yang turut diamal kira aspek keselamatan, kesempurnaan, khasiat makanan dan pemakanan, kesan kesihatan produk halal kepada pengguna serta aspek pengeluaran pertanian meliputi pengurusan penyembelihan dan pengurusan pembekalan berantai," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, bidang

pembangunan produk halal pula merangkumi penyelidikan, pengembangan dan pengkomersialan produk serta proses yang memenuhi keperluan halal bagi industri makanan, farmaseutikal dan kosmetik.

"Program pengajian ini juga membangunkan produk halal termasuklah enzim, haruman, vaksin, ubat serta ramuan kosmetik dan farmaseutikal halal. Selain itu, pelajar turut menjalankan penyelidikan untuk membangunkan pembungkusan halal, pemprosesan produk tenusu, produk fermentasi dan teknologi penghasilan etanol.

"Bidang pengurusan produk halal pula merangkumi pengurusan strategi, operasi, kualiti, logistik, perniagaan antarabangsa, pemasaran dan gelagat pengguna produk halal

serta pelancongan dan hospitaliti (perspektif Islam). Kelainan bidang pengajian ini berbanding pengurusan biasa ialah bukan saja memberi penekanan kepada aspek pengurusan produk halal tetapi juga pemakaian prinsip syariah," katanya.

Katanya, bidang syariah dan undang-undang halal pula memberi tumpuan kepada pembangunan serta isu semasa undang-undang produk halal termasuklah pengurusan fatwa halal, sistem dan pentadbiran undang-undang Islam, undang-undang perdagangan antarabangsa, perlindungan pengguna, liabiliti serta keselamatan produk.

"Kelainan bidang pengajian ini berbanding bidang undang-undang biasa ialah turut memberi penekanan kepada kesucian produk halal, malah

juga pemakaian prinsip undang-undang Islam dalam perniagaan moden.

"Pelajar berkelayakan boleh memilih untuk menyambung pengajian pada peringkat sarjana atau PhD di IPPH yang masing-masing membabitkan tempoh pengajian selama setahun setengah dan tiga tahun setengah," katanya.

Prof Mohd Yazid berkata, pengajian di IPPH memberi peluang kepada pelajar meneroka pelbagai bidang penyelidikan berkaitan produk halal menggunakan kemudahan makmal dilengkapi dengan teknologi yang canggih serta mendapat kerjasama dan sokongan pelbagai agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC).